

**Musa Minta Rakyat Sabah Kibar Jalur Gemilang Sepanjang Bulan Kemerdekaan  
Bernama  
Jun 28, 2011**

KOTA KINABALU, 28 Julai (Bernama) -- Ketua Menteri Datuk Seri Musa Aman menyeru rakyat Sabah supaya mengibarkan Jalur Gemilang di seluruh pelusuk negeri sepanjang sambutan bukan Kemerdekaan sebagai tanda penghargaan dan kesyukuran dengan nikmat kemerdekaan.

Beliau juga menyarankan semua pihak termasuk syarikat swasta, dewan perniagaan dan perindustrian, badan bukan kerajaan (NGO) dan pemilik kenderaan supaya mengibarkan Jalur Gemilang sebagai bukti kesetiaan dan kecintaan kepada negara.

"Dengan adanya semangat dan komitmen yang tinggi untuk sama-sama menjayakan sambutan ini, saya yakin Jalur Gemilang akan sentiasa berkibar dengan megah sebagai bukti kita semua bersatu hati bagi mempertahankan dan mengisi nikmat kemerdekaan, sekali gus merealisasikan gagasan 1Malaysia," katanya.

Musa berkata demikian dalam ucapan pelancaran Bulan Kemerdekaan dan Kempen Mengibar Jalur Gemilang peringkat negeri Sabah di Pekarangan Bangunan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu, di sini Khamis.

Ucapannya dibacakan oleh Timbalan Ketua Menteri Datuk Yahya Hussin.

Musa berkata tema sambutan Bulan Kemerdekaan tahun ini iaitu 1Malaysia, Transformasi Berjaya, Rakyat Sejahtera amat bertepatan kerana ia membawa harapan dan makna yang besar dalam usaha kerajaan memastikan program transformasi negara terus memacu Malaysia ke arah sebuah negara ekonomi berpendapatan tinggi.

Bagi Sabah, katanya, beberapa sektor penting terus menjadi keutamaan dan fokus pentadbiran kerajaan termasuk pembasmian kemiskinan, peningkatan infrastruktur luar bandar, pendidikan, peningkatan keupayaan kerajaan, penyampaian perkhidmatan dan keselamatan demi kesejahteraan dan keharmonian rakyat.

-- BERNAMA

Hakcipta Terpelihara © 1995-2011 Star Publications (Malaysia) Bhd (Co No 10894-D).  
Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsgeneral.php?id=604511>